

04/09/1998

Tindakan tidak jejas Umno

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Besar dan Ketua Menteri yakin pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan menjejaskan Umno serta usaha pemulihan ekonomi negara.

Mereka percaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai alasan kukuh melucutkan jawatan Anwar setelah mengambil kira kesannya dari semua segi.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob meminta rakyat bertenang dan menerima keputusan itu dengan baik.

"Ini kerana Perdana Menteri mempunyai sebab munasabah untuk berbuat demikian. Beliau juga membuat keputusan itu dengan pertimbangan wajar. Saya tidak jangka timbul masalah berikutan keputusan itu," katanya.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid berkata, perpaduan Umno dan usaha memulihkan ekonomi negara tidak tergugat berikutan pengguguran Anwar kerana Umno tidak pernah mengamalkan sifat memuja seseorang pemimpin.

Katanya, hanya ahli yang sering memuja tokoh pemimpin akan berpendapat kekukuhan perpaduan Umno tergugat dengan pelucutan jawatan Anwar. Sebaliknya, ahli Umno yang sayangkan parti dan negara harus menerima pelucutan itu dengan tenang sambil menunggu penjelasan Dr Mahathir.

Menurutnya, ekonomi negara juga tidak akan terjejas kerana ia bukan bergantung kepada usaha individu, sebaliknya dasar kerajaan dan kesungguhan rakyat berusaha membantu memulihkan nilai ringgit.

Di MUAR, Umno Johor sebulat suara menyokong Dr Mahathir terhadap sebarang tindakan yang diambil demi menjaga kepentingan rakyat dan negara.

Pengerusi Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Umno negeri juga menyerahkan perkara berkaitan perundangan kepada mahkamah, supaya ia dapat diselesaikan mengikut proses undang-undang.

"Perkara ini akan menjadi lebih jelas apabila ada maklumat berkaitan dengannya (tindakan terhadap Anwar) yang akan diketengahkan pada masa akan datang," katanya.

Beliau sudah menjelaskan perkara itu kepada semua ketua bahagian yang menghadiri mesyuarat berkenaan dan mereka menerima penjelasan terbabit.

Di PADANG BESAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, tidak mahu ada pihak di negeri itu mengambil tindakan memburukkan lagi keadaan.

Menurutnya, semua rakyat, khususnya ahli Umno dan penyokong Anwar perlu bersedia menerima hakikat tindakan itu adalah kuasa Perdana Menteri.

Beliau yakin tindakan Perdana Menteri diambil kerana ada alasan kukuh selepas mengambil kira pelbagai aspek bagi menjamin kestabilan negara keseluruhannya.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan, meminta semua lapisan masyarakat bertenang dan patuh keputusan Perdana Menteri.

"Beliau pasti mempunyai sebab kukuh untuk memecat timbalannya serta mempunyai fakta tertentu yang ditimbangkan sehalus-halusnya sebelum membuat keputusan itu," katanya.

Di GEORGETOWN, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, meminta seluruh rakyat dan ahli Barisan Nasional (BN) bertenang dan bersatu dalam menyokong apa saja keputusan Perdana Menteri.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar yakin pelucutan jawatan Anwar tidak akan menggugat kekuatan Umno negeri.

Di KUCHING, BN Sarawak mengadakan mesyuarat khas dua jam di sini,

dipengerusikan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan mengambil ketetapan menyokong tindakan Perdana Menteri.

Menurut kenyataan tiga perenggan yang dikeluarkan Pejabat Ketua Menteri Sarawak, pelucutan jawatan itu adalah hak istimewa Perdana Menteri.

"Oleh kerana Perdana Menteri mempunyai fakta penuh berhubung pelucutan jawatan itu, beliau juga berada pada kedudukan paling layak untuk membuat keputusan berdasarkan hak istimewa yang ada pada beliau.

"Dengan ini juga kita menyatakan sokongan penuh kepada Perdana Menteri dalam usahanya melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara," kata kenyataan itu.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Bernard Dompok berkata Dr Mahathir memerlukan sokongan semua rakyat termasuk di Sabah dalam memulihkan ekonomi.

Menurutnya, perkara yang paling penting sekarang ialah mengukuhkan perpaduan rakyat bagi menangani cabaran ekonomi.

(END)